



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

16 MAC 2023

SIMPOSIUM PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 & PEMERKASAAN PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR

Putrajaya, 16 Mac 2023 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan satu Simposium Pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Pemeraksanaan Pemantauan Kualiti Alam Sekitar *“Together, Protecting the Environment”* pada 15 hingga 16 Mac 2023 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA. Simposium yang diadakan sempena meraikan Hari Bumi 2023 ini juga telah menyaksikan pelancaran buku terbitan JAS dengan kerjasama rakan strategik syarikat Pakar Scieno TW Sdn. Bhd bertajuk *“Together, Protecting the Environment, Synergizing Stewardship and Commitments”*.

JAS sebagai sebuah agensi penguatkuasa yang komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, menjalankan program pengawasan dan pemantauan alam sekitar serta program komunikasi, pendidikan, kesedaran alam sekitar (CEPA). Pelaksanaan empat (4) teras strategik di bawah Pelan Strategik JAS 2021-2030 iaitu Penguatkuasaan Pintar (*Smart Enforcement*), Malaysia Lestari, Kecemerlangan Jabatan Alam Sekitar dan Keunggulan Global akan menambahbaik dan meningkatkan perkhidmatan JAS dalam memenuhi agenda pembangunan nasional. Hal ini selaras dengan matlamat JAS untuk mengimplementasi serta

menguatkuasakan polisi, akta dan peraturan dengan efektif dan berintegriti.

Usaha ke arah mencapai kelestarian alam sekitar adalah tanggungjawab bersama semua pihak termasuk pihak kerajaan, industri, badan bukan kerajaan, penggerak projek, ahli akademik dan komuniti setempat. Ia memerlukan usaha kolektif semua pihak bagi merealisasikan hasrat ini.

Penganjuran simposium ini juga membuktikan komitmen JAS dan industri terhadap pematuhan AKAS 1974 dan juga pembudayaan gaya hidup lestari khasnya di kalangan Rakan Alam Sekitar (RAS) Kluster Industri.

- Tamat -

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Dikeluarkan pada 16 Mac 2023